

**PRESTASI KURSUS BAHASA JEPUN DI KALANGAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

TAN YING SHIN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS DENGAN KEPUJIAN**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2010



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.



TAN YING SHIN
(BS07110132)


10 May 2010

PENGESAHAN

DIPERAKUI OLEH

Tandatangan


**1. PENYELIA
(PROF. DR. AMRAN AHMED)**



**2. PEMERIKSA
(CIK SURIANI HASSAN)**



**3. DEKAN
(PROF. DR. MOHD. HARUN ABDULLAH)**



PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof Dr. Amran Ahmed atas penyeliaan beliau sepanjang menjalankan projek ini. Segala tunjuk ajar, bimbingan, nasihat beliau tidak akan dilupakan. Beliau telah menyumbangkan masa beliau untuk memberikan cadangan dan idea dalam kajian ini.

Selain itu, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Pn Chiew Tung Moi, pensyarah Pusat Perantaraan Ilmu Bahasa. Beliau juga banyak memberi bantuan dan nasihat ketika menjalankan projek ini dari segi pencarian maklumat, pemberi data yang berkenaan, analisis data dan sebagainya.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya, rakan sebaya saya yang sentiasa memberi pandangan, sokongan dan dorongan sepanjang melaksanakan kajian projek ini

Akhir kata, segala sumbangan, perhatian, pandangan dan dorongan yang telah diberikan amatlah dihargai. Sekian, terima kasih.

Tan Ying shin
10 May 2010

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan prestasi Bahasa Jepun di kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), terutama menentukan sama ada terdapat perbezaan antara pelajar yang berpendidikan Bahasa Cina dengan pelajar yang tak berpendidikan Bahasa Cina. Data diperolehi daripada 250 pelajar yang mendaftar kursus Bahasa Jepun tahap 1 dengan prestasi Bahasa Jepun berdasarkan keputusan ujian lisan, ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir. Kajian ini juga, menentukan hubungan antara ujian lisan, ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir kursus Bahasa Jepun, dan mengkaji sama ada terdapat perbezaan prestasi Bahasa Jepun yang signifikan antara etnik, latarbelakang pendidikan dan tahap pendidikan pelajar. Kaedah statistik berperihal, analisis korelasi, ujian t tak bersandar dan analisis varians digunakan untuk memperihalkan prestasi Bahasa Jepun. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina mempunyai prestasi yang lebih baik daripada pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina. Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat hubungan positif antara ujian lisan, ujian pertengahan semester dan peperiksaan Akhir bagi kursus Bahasa Jepun. Selain itu, hasil menunjukkan bahawa etnik dan tahap pendidikan kemasukan tidak mempengaruhi prestasi Bahasa Jepun pelajar.

JAPANESE LANGUAGE PERFORMANCE AMONG UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) STUDENTS

ABSTRACT

The main purpose of this study is to look at the Japanese Language performance among Universiti Malaysia Sabah (UMS) students, especially to determine whether Chinese educated student performed better than non-Chinese educated students in learning Japanese Language. The data was obtained from 250 students taking Japanese Language Level 1 with their performance based the results from the oral test, mid semester test and final exam results. This study will also determine the relationship of the oral test, mid Semester test and final paper result, and to investigate whether there is significant difference in Japanese Language performance among the students ethnicity, education background and education level. Descriptive statistics, correlation analysis, independent t test and analysis of variance were used to describe the Japanese language performance of the students. The results showed that the numbers of Chinese educated students are more than non-Chinese educated students registered for the Japanese Language course. Furthermore, result of correlation analysis showed that, there are positive relationships between oral test, mid Semester test and final exam. Besides that, there also proven that Chinese educated student perform better than non-Chinese educated student in learning Japanese Language. However, ethnicity and education levels have no influence on the Japanese Language performance.

SENARAI KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SIMBOL	xi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Kepentingan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	5
1.6 Had Kajian	6
BAB 2 ULASAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Kajian Lepas	7
2.2.1 Hubungan antara Sistem Penulisan Bahasa Jepun dan Perkataan Cina	7
2.2.2 Bahasa Jepun dan Pelajar	8
2.2.3 Pengaruh Pengetahuan Bahasa Cina dalam Mempelajari Bahasa Jepun	9
BAB 3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	11
3.2 Pengumpulan Data	11
3.3 Kaedah Statistik	12
3.4 Statistik Berperihal	12

3.5	Ujian Korelasi	12
3.5.1	Andaian Awal bagi Ujian Korelasi	13
3.5.2	Pengujian Hipotesis bagi Pekali Korelasi	14
3.6	Ujian t Tak Bersandar	14
3.6.1	Pengujian Hipotesis untuk Ujian t Tak Bersandar	15
3.7	Analisis Varians Satu Hala	16
3.7.1	Pembentukan Analisis Varians Satu Hala	17
3.7.2	Pengujian Hipotesis untuk Analisis Varians Satu Hala	19
3.8	Analisis Varians Dua Hala	20
3.8.1	Pembentukan Analisis Varians Dua Hala	20
3.8.2	Pengujian Hipotesis untuk Analisis Varians Dua Hala	23
BAB 4	ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN	
4.1	Pengenalan	24
4.2	Keputusan Analisis Statistik Berperihalan	24
4.3	Hasil Analisis Korelasi	27
4.4	Hasil Analisis Ujian t Tak Bersandar	29
4.5	Hasil Analisis Varians Satu Hala Bagi Etnik Pelajar	32
4.6	Hasil Analisis Varians Dua Hala	34
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	35
5.2	Perbincangan	35
5.3	Kesimpulan	38
5.4	Cadangan	38
	RUJUKAN	40

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Penerangan bagi nilai pekali korelasi	13
3.2	Matriks data bagi analisis varians satu hala	17
3.3	Jadual ANOVA	19
3.4	Reka bentuk bagi analisis varians dua hala	21
3.5	Jadual ANOVA	22
4.1	Taburan latar belakang bagi pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun di UMS	25
4.2	Taburab etnik bagi pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun di UMS	25
4.3	Taburan status lepasan bagi pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun di UMS	25
4.4	Taburan jantina bagi pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun di UMS	26
4.5	Jadual silang etnik dan status lepasan bagi pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun di UMS	26
4.6	Ujian t tak bersandar bagi pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina dan pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina terhadap markah ujian pertengahan semester	30
4.7	Ujian t tak bersandar bagi pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina dan pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina terhadap markah peperiksaan akhir semester	31
4.8	Ujian t tak bersandar bagi pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina dan pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina terhadap markah ujian lisan	32

SENARAI RAJAH

No.Rajah		Muka Surat
4.1	Gambar rajah sebaran bagi markah Ujian Pertengahan Semester dan markah Peperiksaan Akhir Semester	27
4.2	Gambar rajah sebaran bagi markah Ujian Pertengahan Semester dan markah Ujian Lisan	28
4.3	Gambar rajah sebaran bagi markah Peperiksaan Akhir Semester dan Ujian Lisan	29

SENARAI SIMBOL

$<$	kurang daripada
$>$	lebih besar daripada
\geq	lebih besar atau sama dengan
\leq	lebih kecil atau sama dengan
Σ	hasil tambah
H_0	hipotesis nol
H_1	hipotesis alternative
$=$	sama dengan
\neq	tidak sama dengan
α	aras keertian
β	beta
ε	ralat
n	bilangan cerapan
μ	min

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa Jepun merupakan salah satu bahasa asing yang terkenal kepada golongan masyarakat untuk mempelajarinya. Selain itu, Bahasa Jepun juga merupakan Bahasa Kebangsaan di Negara Jepun. Sejak kebelakangan tahun ini, bilangan pelajar cina dan bukan cina yang belajar Bahasa Jepun sebagai bahasa kedua selain daripada bahasa ibunda mereka meningkat dengan mendadak.

Menurut The Japan Foundation (2008), kajian pada tahun 2006 menunjukkan bahawa, 2.98 juta orang dalam 126 buah negara (tidak termasuk Negara Jepun) sedang mempelajari Bahasa Jepun. Tambahan pula, terdapat 44,321 orang guru yang mengajar Bahasa Jepun dan 13,639 buah sekolah dan institusi lain yang sedia ada untuk mengajar Bahasa Jepun. Bilangan ini meningkat dengan mendadak sejak tahun 1973. Negara Korea, China dan Australia merupakan negara-negara yang mempunyai jumlah orang yang paling ramai mempelajari Bahasa Jepun. Didapati, negara Korea terdapat 30.6% orang yang mempelajari Bahasa Jepun, manakala negara China pula mencatatkan peratusan sebanyak 23.0% dan Australia sebanyak 12.3%. Ketiga-tiga negara ini merangkumi sebanyak dua per tiga orang daripada keseluruhan orang yang belajar Bahasa Jepun di luar Negara Jepun.



Kebanyakan universiti di seluruh dunia juga telah memartabatkan Bahasa Jepun sebagai salah satu bahasa asing kepada pelajarannya. Sebilangan universiti di Malaysia juga menyediakan bahasa asing ini kepada pelajar seperti Universiti Malaya, Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti Malaysia Sabah. The Japan Foundation (2008), menunjukkan bahawa penduduk Malaysia yang belajar Bahasa Jepun terdapat 22,920 orang. Kebanyakan orang berminat belajar Bahasa Jepun sebab dipengaruhi oleh komik Jepun (manga), animasi, drama, filem dan permainan Jepun yang semakin popular. Tambahan lagi, peningkatan dalam bilangan orang yang berminat belajar bahasa jepun juga disebabkan ia boleh dijadikan sebagai salah satu kelebihan apabila mencari kerja di syarikat Jepun.

Daripada Bussmann (1996), sistem penulisan moden Jepun adalah kombinasi daripada logografik tulisan kanji Cina dan dua sillabic yang tidak bersandar iaitu Hiragana dan Katakana. Ketiga-tiga sistem penulisan Jepun ini juga termasuk dalam tatabahasa dan kosa-kata Bahasa Jepun. Pada awalnya, Hiragana adalah suatu sistem penulisan yang khasnya untuk kaum perempuan di Jepun tetapi sekarang ia juga digunakan sebagai perkataan-perkataan dalam tatabahasa Bahasa Jepun. Manakala, sistem penulisan Katakana selalunya digunakan sebagai kata-kata asing dalam Bahasa Jepun. Selain itu, sistem penulisan yang biasa seperti Abjad Latin dan Romaji juga selalunya digunakan dalam penulisan Bahasa Jepun, terutamanya untuk nama syarikat, logo dan iklan.

Grainger (2005) menyatakan bahawa, penulisan Kanji menggunakan sistem perkataan yang asas dari China dan berasal dari perkataan Hanzi Cina. Daripada kesimpulan yang dibuat oleh guru Bahasa Jepun yang berpengalaman, pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina biasanya mendapat keputusan yang lebih baik daripada pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina. Jadi, dalam kajian ini, satu persoalan akan diketengahkan iaitu pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina boleh mendapat keputusan yang lebih baik daripada pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina dalam mempelajari Bahasa Jepun.

Kajian ini akan menganalisis keputusan markah yang diperolehi oleh pelajar Bahasa Jepun di Universiti Malaysia Sabah. Markah yang akan digunakan dalam kajian ini dibahagi kepada 3 kategori iaitu, keputusan markah dalam ujian

Pertengahan Semester, ujian lisan dan peperiksaan akhir semester. Ujian pertengahan semester adalah menguji pelajar dari segi kosa-kata dan tatabahasa Bahasa Jepun. Manakala, peperiksaan akhir tahun adalah menguji pelajar dari segi kosa-kata, tatabahasa, pemahaman dan penulisan Kanji. Ujian lisan pula menguji pelajar dari segi sebutan, intonasi, kosa-kata dan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Jepun.

1.2 Latar Belakang Kajian

Struktur Bahasa Jepun dibahagi kepada dua bidang: 1) membaca dan menulis 2) mendengar dan perbualan. Perbezaan utama dalam struktur Bahasa Jepun dan bahasa asing yang lain adalah dari segi sistem penulisan. Bahasa Jepun lebih mengutamakan ideograf jika berbanding dengan bahasa asing lain yang lebih mengutamakan sistem bunyi seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Seperti yang dinyatakan di atas, terdapat tiga sistem penulisan utama yang sering muncul di dalam ayat Bahasa Jepun iaitu, Hiragana, Katakana dan Kanji.

Setiap sebutan bagi Hiragana dan Katakana adalah berdasarkan lima bunyi utama yang diwakili oleh bunyi vowel Bahasa Inggeris (a e i o u). Setiap bunyi dalam Bahasa Jepun asasnya diterbit daripada lima bunyi vocal utama ini. Contohnya, *ma, mi, mu, me, mo; na, ni, nu, ne, no*. Oleh kerana perkataan dalam Bahasa Jepun banyak dipinjam daripada perkataan Bahasa asing jadi, perkara ini tidak memberi masalah kepada pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina. Contohnya, dalam Bahasa Jepun, perkataan *ice-cream* disebut sebagai *aisukuriimu*. Maksudnya, pelajar yang tidak pandai berbahasa cina, boleh juga menguasai Bahasa Jepun dengan mengaplikasikan kebolehan mereka dalam berbahasa Inggeris. Dan ini akan memudahkan pelajar tersebut menguasai Bahasa Jepun.

Grainger (2005) menyatakan bahawa, penggabungan bunyi dengan perkataan-perkataan yang dikenali untuk mengingat kembali kosa-kata yang pernah dipelajari dalam Bahasa Jepun akan mengelirukan pelajar sebab pembentukan bilangan bunyi yang berbeza adalah terhad dalam struktur Bahasa Jepun. Sebilangan pelajar Cina merasa bahawa perkara yang paling susah dalam mempelajari bahasa

jepun adalah dari segi pelat Bahasa Jepun. Hal demikian kerana pelat dalam perkataan Jepun lebih rendah jika dibandingkan dengan perkataan dalam Bahasa Cina.

Tambahan pula, Bahasa Jepun terdapat banyak perkataan yang mempunyai sebutan yang sama tetapi mempunyai maksud yang berbeza. Hal ini juga menyebabkan ramai pelajar Cina akan memberi tafsiran yang salah tentang maksud dalam sesuatu perkataan itu. Kanji mewakili penulisan dalam Bahasa Jepun. Terdapat banyak perkataan Kanji mempunyai maksud yang sama dengan perkataan Cina. Perkara ini bergantung kepada jenis ayat yang hendak dijelaskan dan juga bergantung kepada cara kewujudan Kanji dalam pergabungan untuk menghasilkan suatu perkataan. Masalah Kanji ini juga merumitkan pelajar dalam mempelajari Bahasa jepun.

Douglas (1992) mendapati bahawa Kanji merupakan salah satu halangan kepada pelajar yang mempelajari Bahasa Jepun sebagai bahasa asing mereka. Terutamanya pelajar yang mempunyai sistem penulisan abjad dalam bahasa ibunda mereka seperti, Inggeris. Selain itu, Machida (2000) juga membuktikan, pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina akan menghadapi kesusahan dalam mempelajari Bahasa Jepun jika berbanding dengan mereka yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina sebab pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina lebih memahami maksud perkataan Kanji.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini memperhatikan perbezaan diantara pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina dan juga pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina dalam mempelajari Bahasa Jepun. Kajian ini boleh digunakan sebagai garis panduan bagi guru-guru dan pelajar-pelajar untuk memilih strategi yang paling berkesan dalam mengajar dan mempelajari Bahasa Jepun.

Selain itu, kajian ini juga sangat bermanfaat kepada semua guru Bahasa Jepun di Malaysia. Menurut kajian ini, mereka boleh membuat rujukan tentang perbezaan yang terdapat diantara pelajar cina dan pelajar bukan cina supaya

membentuk teknik pengajaran dan bahan pengajaran yang lebih menarik dan efektif untuk mengajar golongan pelajar yang berlainan ini.

Menggunakan strategi yang berkesan dan menarik dalam process pengajaran adalah sangat penting sebab ia dapat membantu pelajar menambah ilmu pengetahuan dengan lebih efektif. Tambahan pula, kajian ini juga dapat menarik perhatian *Japan Foundation* tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam proses mempelajari bahasa jepun dan mengemukakan isu ini untuk kajian yang lebih lanjut pada masa akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini bertujuan untuk mengetahui perbezaan prestasi antara pelajar cina dan bukan cina dalam kelas Bahasa Jepun di Universiti Malaysia Sabah. Secara khususnya, tujuan kajian ini adalah untuk:

- i. Menentukan samada pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina mempunyai prestasi yang lebih baik daripada pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina dalam mempelajari Bahasa Jepun.
- ii. Menentukan samada terdapat hubungan antara markah-markah yang diperolehi oleh pelajar Bahasa Jepun dalam peperiksaan.
- iii. Menentukan samada pelajar yang mempunyai etnik yang berlainan akan mempengaruhi prestasi mereka dalam mempelajari Bahasa Jepun.
- iv. Menentukan samada hubungan antara etnik dan status lepasan pelajar akan mempengaruhi prestasi pelajar dalam mempelajari Bahasa Jepun.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini menumpukan pada 250 orang Bahasa Jepun Tahap 1 (Semester 1, Sesi 2002/2003) pelajar daripada Pusat Penantaran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Kesemua pelajar dalam kajian ini adalah dari program dan sekolah yang berlainan di UMS.

1.6 Had Kajian

Salah satu had dalam kajian ini adalah bilangan pelajar yang digunakan dalam kajian ini. Hanya 250 orang pelajar yang dipilih dalam kajian ini kerana bilangan pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun dalam satu semester dan satu tahap yang sama adalah terhad di UMS. Selain itu, had lain yang didapati dalam kajian ini adalah, kajian ini hanya menganalisis markah pelajar melalui data keputusan peperiksaan pelajar yang diperolehi daripada Pensyarah Bahasa Jepun, tetapi tidak menyediakan kertas soal selidik kepada pelajar.

BAB 2

ULASAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bilangan kajian yang fokus kepada strategi pembelajaran Kanji Bahasa Jepun dalam kalangan pelajar yang hanya mempunyai latar belakang penulisan abjad menjadi semakin banyak. Ini adalah kerana bilangan pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan Bahasa Cina yang mempelajari Bahasa Jepun semakin bertambah. Walau bagaimanapun, bilangan kajian yang fokus kepada hubungan antara pembelajaran Bahasa Jepun dengan pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina dan pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina adalah terhad. Maka, kajian-kajian yang berkaitan dengan Bahasa Jepun dan latar belakang pelajar amat penting kerana melalui kajian-kajian ini, pembaca, pendidik dan pelajar akan dapat memahami dengan lebih terperinci tentang perbezaan individu yang wujud dikalangan pelajar Bahasa Jepun.

2.2 Kajian Lepas

2.2.1 Hubungan antara Sistem Penulisan Bahasa Jepun dan Perkataan Cina

Dalam kajian Lin *et al.* (2009) yang berkaitan dengan penterjemahan Bahasa Jepun ke Bahasa Cina menyatakan bahawa Bahasa Jepun dan Bahasa Cina mempunyai banyak persamaan dalam sifat linguistik seperti tatabahasa dan fonologi. Sejak beberapa abad yang lalu, Bahasa Jepun telah menggunakan kosa-kata dan jenis

perkataan dalam Bahasa Cina seperti Kanji. Tiga unsur utama yang terkandung dalam sistem penulisan Bahasa Jepun yang moden ialah Kanji (unsur yang paling banyak menggunakan perkataan serupa dengan Bahasa Cina), dan dua ejaan sukuan kana, Hiragana dan Katakana.

Kanji merujuk kepada perkataan Cina yang digunakan dalam Bahasa Jepun. Sejak zaman lepas perang, penggunaan Kanji menjadi terbatas. Tetapi pada zaman ini, Kanji masih biasa digunakan dalam Bahasa Jepun. Contohnya, kanji digunakan untuk nama orang, nama tempat dan nama organisasi. Kebanyakan bentuk penulisan dan maksud Kanji adalah sangat serupa dengan perkataan cina moden. Hiragana pada asalnya merupakan perkataan sambung dari perkataan cina. Dalam Bahasa Jepun, Hiragana sentiasa digunakan untuk mewakili kata-kata dan adverb dalam tatabahasa. Manakala, Katakana memainkan peranan penting dalam penterjemahan perkataan bahasa asing seperti Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina kepada Bahasa Jepun (Lin *et al.*, 2006).

Menurut Goh *et al.* (2005), semua perkataan dalam Bahasa Cina terdiri daripada Hanzi. Manakala, dalam Bahasa Jepun pula terbahagi kepada tiga jenis utama iaitu perkataan Hiragana, Katakana dan Kanji. Kanji berasal dari purba China . Charater ini dirujuk sebagai perkataan Han di Negara China, Japan dan Korea. Oleh kerana Bahasa Jepun dan Bahasa Cina mempunyai persamaan dalam perkataan Han, pelajar boleh terus menterjemahkan ayat Bahasa Jepun kepada Bahasa Cina jika semua perkataan dalam ayat tersebut terdiri daripada Kanji sahaja. Tetapi, bukan semua penterjemahan adalah betul sebab terdapat juga perbezaan maksud antara Kanji dan perkataan Han.

2.2.2 Bahasa Jepun dan Pelajar

Biasanya ramai orang yang berpendapat bahawa dengan wujudnya Kanji dalam Bahasa Jepun, pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan dalam Bahasa cina akan menghadapi kerumitan dalam mempelajari Bahasa Jepun jika berbanding dengan pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina.

Dalam kajian Machida (2000), pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam kemahiran membaca dan mengecam Kanji berbanding pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina. Disebabkan oleh bahasa ibunda mereka, pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina memperolehi kemahiran asas dalam mengecam Kanji dan maksud bagi perkataan itu.

Selain itu, mereka dapat menguasai penggunaan Kanji dengan membandingkan cara perkataan yang digunakan dalam kedua-dua bahasa itu. Contohnya, pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina dapat membandingkan perbezaan logografik dan maksud Kanji dalam konteks Bahasa Cina dan Bahasa Jepun. Kebanyakan isi kandungan bagi petikan atau buku Bahasa Jepun ditulis dalam Kanji. Oleh itu, kekurangan dalam pengetahuan Kanji juga menyebabkan pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina tidak dapat menguasai pengetahuan kosa-kata Bahasa Jepun dengan baik. Pelajar yang tidak mempunyai latar belakang Bahasa Cina selalunya membuat tekaan bagi maksud perkataan, ayat dan perenggan dalam ujian kefahaman (Machida, 2000).

Selain daripada itu, dalam kajian Koda (1989) juga menyatakan bahawa, pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam perkataan Bahasa Cina mendapat manfaat dalam mengecam perkataan Kana dan Kanji dalam Bahasa Jepun. Oleh demikian, pengetahuan Bahasa Cina memudahkan pelajar dalam mempelajari Bahasa Jepun.

2.2.3 Pengaruh Pengetahuan Bahasa Cina dalam Mempelajari Bahasa Jepun

Kesukaran yang dihadapi oleh pelajar yang mempunyai pengetahuan Bahasa Cina dalam pembelajaran Kanji adalah berbeza dengan mereka yang tidak mempunyai pengetahuan Bahasa Cina. Menurut kajian daripada Lu *et al.* (2005), penutur asli Bahasa Cina yang mempunyai pengetahuan asas dalam perkataan Bahasa Cina juga akan menghadapi kerumitan dalam pembelajaran Bahasa Jepun. Dalam Bahasa Jepun, pelajar perlu mengetahui banyak perkataan untuk berbual, membaca dan menulis.

Meskipun pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina yang biasa dengan Kanji tetapi pembelajaran kosa-kata Bahasa Jepun adalah tidak mudah bagi mereka. Hal sedemikian kerana Kanji Bahasa Jepun mempunyai pelbagai bentuk pembacaan yang lain dan terdapat perbezaan dalam maksud antara Bahasa Jepun dan Bahasa Cina. Sebutan fonetik Bahasa Cina mempunyai pengaruh ke atas pelajar Cina dalam lisan dan sebutan Bahasa Jepun. Contohnya, pelajar Cina tidak dapat menyebut semi vocal *Ya, Yu, Yo* dan bunyi panjang dalam Bahasa Jepun dengan betul (Lu *et al.*, 2005).

Selain itu, dalam kajian Furuta (1995), yang membandingkan strategi penyelesaian Kanji antara pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina dan pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Inggeris, menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina tidak dapat mengelakkan diri daripada menggunakan pengetahuan mereka yang sedia ada untuk memahami Kanji yang tidak dikenali. Walau bagaimanapun, perbuatan ini juga akan menjadi negatif kerana maksud sebilangan Kanji akan berubah selepas percantuman dua perkataan Kanji. Masalah ini akan menyebabkan pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina membuat tafsiran yang salah tentang kefahaman Bahasa Jepun.

Sebagai kesimpulan bagi bab ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara Bahasa Jepun dan Bahasa Cina. Walau bagaimanapun, pelajar yang mempunyai latar belakang Bahasa Cina bukan selalunya mendapat manfaat dalam pembelajaran Bahasa Jepun.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Kajian ini menumpukan pada 250 orang pelajar Bahasa Jepun Tahap 1 (Semester 1, Sesi 2002/2003) daripada Pusat Penantaran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Semua pelajar dalam kajian ini adalah daripada program dan sekolah yang bertalian di UMS. Hanya 250 orang pelajar yang dipilih dalam kajian ini kerana bilangan pelajar yang mengambil kursus Bahasa Jepun dalam satu semester dan satu tahap yang sama adalah terhad di UMS.

3.2 Pengumpulan Data

Bahagian ini merangkumi kaedah dan jenis pensampelan yang dipilih untuk kajian ini. Data dalam kajian ini merupakan data sekunder iaitu data yang diperolehi daripada Pensyarah Bahasa Jepun Pusat Perantaran Ilmu dan Bahasa. Sampel data yang digunakan dalam kajian ini termasuk markah yang dicapai oleh pelajar Bahasa Jepun dalam ujian pertengahan semester, ujian lisan dan peperiksaan akhir. Ujian pertengahan semester adalah menguji pelajar dari segi kosa-kata dan tatabahasa Bahasa Jepun. Manakala, peperiksaan akhir adalah menguji pelajar dari segi kosa-kata, tatabahasa, pemahaman dan penulisan Kanji. Ujian lisan pula menguji pelajar dari segi sebutan, intonasi, kosa-kata dan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Jepun.



3.3 Kaedah Statistik

Dalam kajian ini, analisis statistik yang digunakan ialah statistik berperihalan, pekali korelasi, ujian t tak bersandar, analisis varians (ANOVA) satu hala dan analisis varians (ANOVA) dua hala .

3.4 Statistik Berperihalan

Statistik berperihalan merujuk kepada suatu koleksi ukuran kuantitatif dengan langkah penghuraian data. Meringkaskan data yang dikumpul dalam jadual kekerapan adalah penting sebelum perhitungan ujian statistik dilaksanakan. Data-data bagi bilangan responden berdasarkan faktor demografi dihuraikan dalam peratusan dan dijadualkan dalam jadual kekerapan. Proses ini dilakukan supaya kerja analisis dimudahkan dan senang difahami.

3.5 Ujian Korelasi

Menurut Ahmad Shukri Yahaya *et al.* (2008), korelasi adalah satu angka yang mengukur darjah perkaitan antara pemboleh ubah. Korelasi digunakan untuk menilai kekuatan hubungan yang wujud antara dua pemboleh ubah. Korelasi yang akan digunakan dalam kajian ini adalah korelasi linear Pearson yang dikembangkan oleh ahli statistik Britain yang bernama Pearson. Sampel pekali korelasi, r yang mempunyai n pasangan cerapan $(x_1, y_1), (x_2, y_2), \dots, (x_n, y_n)$ adalah,

$$r = \frac{(\sum_{i=1}^n X_i Y_i) - \frac{(\sum_{i=1}^n X_i)(\sum_{i=1}^n Y_i)}{n}}{\sqrt{[\sum_{i=1}^n X_i^2 - \frac{(\sum_{i=1}^n X_i)^2}{n}][\sum_{i=1}^n Y_i^2 - \frac{(\sum_{i=1}^n Y_i)^2}{n}]}} \quad (3.1)$$

Daripada pekali korelasi ini, kita akan memperolehi pekali korelasi yang nilainya berada antara negatif satu dan positif satu, ($-1 \leq r \leq +1$). Tanda positif dan negatif memberikan arah hubungan yang wujud antara dua pemboleh ubah. Tanda positif bermaksud terdapat hubungan langsung antara pemboleh ubah berkenaan. Dengan kata ini, korelasi positif ini menerangkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah bergerak pada arah yang sama, iaitu sekiranya satu pemboleh ubah meningkat maka

pembolehubah satu lagi turut meningkat. Tanda negatif pula menunjukkan wujud hubungan songsang antara pembolehubah. Dengan kata ini, kedua-dua pembolehubah bergerak pada arah yang bertentangan. Ini bermaksud sekiranya satu pembolehubah meningkat maka pembolehubah yang satu lagi akan berkurangan.

Korelasi boleh dikelaskan kepada korelasi linear dan korelasi tak linear. Jika terdapat titik X dan titik Y yang berada pada garis lurus maka korelasi tersebut dikatakan korelasi linear. Manakala korelasi tak linear antara dua pembolehubah adalah titik X dan Y berada dalam bentuk yang berupa sebuah lengkung. Jadual 3.1 berikut menunjukkan kekuatan hubungan linear bagi pekali korelasi.

Jadual 3.1 Penerangan bagi nilai pekali korelasi

Nilai Pekali Korelasi	Kekuatan Hubungan
$0.80 \leq r \leq 1.00$	korelasi yang sangat tinggi
$0.60 \leq r \leq 0.79$	Korelasi tinggi
$0.40 \leq r \leq 0.59$	Korelasi sederhana
$0.20 \leq r \leq 0.39$	Korelasi lemah
$0.00 \leq r \leq 0.19$	Korelasi sangat lemah

3.5.1 Andaian Awal bagi Ujian Korelasi

- i. Data berpasangan adalah dikumpulkan daripada sampel yang sama.
- ii. Kenormalan iaitu pemboleh ubah mesti bertabur normal.
- iii. Skala pengukuran iaitu data dalam aras pengukuran nisbah atau selang
- iv. Kelinearan iaitu hubungan antara dua pembolehubah mesti linear.
- v. Homoskedastisiti iaitu salah satu pembolehubah hampir sama dengan pembolehubah yang lain dan tertabur secara seragam.

RUJUKAN

- Ahmad Shukri Yahaya, Amran Ahmed, Gabda, D. & Chin, S. N. 2008. *Problem & Solutions in Statistics for Engineers & Scientists*. Prentice Hall, Selangor.
- Bussmann, H. 1996. *Routledge Dictionary of Language and Linguistics*. Routledge, London.
- Coolidge, F. L. 2006. *Statistics A Gentle Introduction*. 2nd Edition. Sage, New York.
- Diekhoff, G. M. 1996. *Basic statistics for the Social and Behavioral Sciences*. PrenticeHall, New Jersey.
- Devore, J. L. & Berk, K. N. 2007. *Modern Mathematical Statistics with Applications*. Thomson Brooks/Cole, United State.
- Douglas, M. 1992. *Development of Orthography related reading/writing Strategies of Learners of Japanese as a Foreign Language*. Disertasi Ph.D, University of California, Los Angeles (Tidak diterbitkan).
- Evans, J. R. & Olson, D. L. 2003. *Statistics, Data Analysis ,and Decision Modeling* Prentice Hall, New Jersey.
- Furuta, K. 1995. *Reading strategies for Japanese as a second language: A study of English and Chinese native readers*. Disertasi Sarjana Sastera, The University of British Columbia, Vancouver (Tidak diterbitkan).
- Goh, C. L., Asahara, M. & Matsumoto, Y. 2005. Building a Japanese-Chinese dictionary using Kanji/Hanzi conversion. *Lecture Notes in Computer Science* **3651/2005**, ms 670-681.
- Grainger, P. 2005. Second Language Learning Strategies and Japanese: Does Orthography Make a Difference? *System* **33**, ms. 327-229.

- Koda, K. 1989. The effect of transferred vocabulary knowledge on the development of L2 reading proficiency. *Foreign Language Annals* **22**, ms. 529-540.
- Lin, C. C., Wang, Y. C., Yeh, C. H., Tsai, W. C., & Richard, T. H. T. 2009. Learning for translation candidates in Japanese-Chinese information retrieval. *Expert Systemwith Applicaiton* **36**, ms. 7695-7699.
- Lu, S., Yamashita, N., Tominaga, H., Hayashi, T. & Yamasaki, T. 2005. Japanese learning system for Chinese native speakers- Development of database for learning Kanji which have difference between Chinese and Japanese. *Proceeding of the 5th IEEE International Conference on Advanced Learning Technologies*.
- Machida, S. 2000. Japanese Text Comprehension by Chinese and non-Chinese Background Learners. *System* **29**, ms. 103-118.
- Montgomery, D. C. 2005. *Design and Analysis of Experiments*. John Wiley & Sons, New Jersey.
- Siegel, S & Castellan, N. J. 1998. *Nonparametric statistics for the Behavioral Science*. McGraw-Hill, New York.
- The Japan Foundation 2008. *Present Condition of Overseas Japanese-Language Education Summary: Survey Report on Japanese-Language Education Abroad 2006*. The Japan Foundation, Tokyo.